SK CATHOLIC ENGLISH
PENDIDIKAN MORAL
TAHUN 4

PdPR Minggu 34
Selasa 12hb Oktober 2021

UNIT 14 TOLERANSI
Bertolak Ansur Amalan Terpuji

Disediakan oleh Cikgu Hamisah

LIVEWORKSHEETS

BUKA MINDA

UNIT 14

KPM

LIVEWORKSHEETS

UNIT 14

CERNA MINDA

BERTOLAK ANSUR AMALAN TERPUJI

Hayati situasi.



LIVEWORKSHEETS

- Berdasarkan situasi ini, apakah contoh amalan toleransi?
- Pernahkah kamu bertoleransi dengan jiran? Ceritakan.

14.1
14.2
14.3
14.4
14.5

NOTA GURU

- Bimbing murid melakonkan situasi di atas.
- Bimbing murid menyatakan perasaan selepas aktiviti lakonan.

123 KPM

LIVEWORKSHEETS

Apa itu toleransi?

TOLERANSI bermaksud kesanggupan bertolak ansur, sabar dan mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham demi kesejahteraan hidup.

LIVEWORKSHEETS



CIRI-CIRI AMALAN NILAI TOLERANSI

- Suka bertolak ansur dan tidak membesar-besarkan perkara kecil.
- Tidak mudah dipengaruhi emosi dan sentiasa bersabar apabila berhadapan dengan masalah.
- Tidak mudah marah, mengawal diri, berfikir, dan menyiasat terlebih dahulu untuk mendapatkan kebenaran sebelum bertindak.
- Berusaha untuk mengelakkan pertelingkahan dan perselisihan faham dengan orang lain.

LIVEWORKSHEETS

AMALAN TOLERANSI DALAM HIDUP BERJIRAN

- Jiran kamu mengadakan persembahan Tarian Singa semasa sambutan Tahun Baru Cina. Kamu bersikap terbuka dan tidak membesarkan isu kecil seperti bunyi bising kerana sambutan Tahun Baru Cina hanya disambut sekali dalam setahun.

- Pokok bunga yang kamu tanam di hadapan rumah telah dirosakkan oleh individu yang tidak dikenali. Kamu bersabar dan mengawal diri supaya kamu dapat berfikir dengan waras untuk menyiasat punca sebenar kejadian tersebut bagi mendapatkan bukti.

- Kamu menjemput jiran kamu yang beragama Hindu ke majlis sambutan hari lahir kamu. Kamu tidak menyediakan hidangan daripada daging lembu kerana menghormati jiran kamu dan kepercayaannya.

LIVEWORKSHEETS

Lengkapkan peta bulatan tentang contoh amalan toleransi dalam hidup berjiran.

berbincang	sabar	terbuka
perasaan	bertolak	membesarkan

Contoh Amalan Toleransi

1. Tidak _____ suatu isu hingga tidak menemui jalan penyelesaian.
2. Sanggup _____ ansur dalam membuat keputusan.
3. Sentiasa _____ untuk mencapai kesefahaman.
4. Bersikap _____ dan mengawal diri dalam apa jua situasi.
5. Bersikap _____ dalam memberi dan menerima pendapat.
6. Memahami _____ dan keperluan jiran.

LIVEWORKSHEETS